



Rujukan kami: SKCACKK.100-1/5/1(30)
Tarikh: 20 MEI 2021

Para ibu bapa / penjaga yang dihormati,

MAKLUMAN PdPR DAN CUTI PERTENGAHAN TAHUN 2021

Untuk makluman, pihak sekolah akan melaksanakan **jadual waktu PdPR** dalam dua bentuk caranya, iaitu Google Meet (GM) dan Google Classroom (GC) bermula pada 24 Mei 2021 hingga 28 Mei 2021.

02. Link Google Meet (GM) akan diberikan dalam Google Classroom (GC). Murid-murid dikehendaki log masuk mengikut jadual waktu yang ditetapkan pada setiap hari. Kelas Google Meet (GM) akan dilaksanakan selama **SATU** jam mengikut mata pelajaran teras. Di samping itu, guru mata pelajaran lain juga akan memuatnaikkan semua bahan pengajaran dan pesanan tugas melalui Google Classroom (GC) pada pukul 7.00 pagi setiap hari.

03. 26 Mei 2021 adalah cuti umum Hari Wesak. Semua guru dan murid **TIDAK PERLU** melaksanakan PdPR pada hari tersebut.

04. Cuti Pertengahan Tahun akan bermula pada 29 Mei 2021 hingga 13 Jun 2021. Semua guru dan murid **TIDAK PERLU** melaksanakan PdPR pada tempoh cuti tersebut. Pembukaan sekolah untuk semester kedua adalah pada 14 Jun 2021.

05. Diharapkan para ibu bapa / penjaga mengambil perhatian sepenuhnya dan memastikan anak-anak murid mula pelaksanaan sesi PdPR [Google Meet (GM) dan Google Classroom (GC)] pada tarikh yang ditetapkan.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

Selamat Menyambut Hari Wesak! Selamat Menyambut Pesta Kaamatan!

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KITA JAGA KITA”

Saya yang menjalankan amanah,

MOK SUN FU

Guru Besar
SK (C) Anglo Chinese,
Kota Kinabalu.